

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 12/1977**

=====

**PINDAAN PERWAKILAN KUASA KEPADA PEMUNGUT-PEMUNGUT
DI BAWAH SEKSYEN 13, KANUN TANAH NEGARA YANG TELAH
DIISYTIHARKAN DALAM PEMBERITAHU UNDANG-UNDANG 20
BERTARIKH 12/12/68 DENGAN MENAMBAH BUTIRAN-BUTIRAN
(V), (VI), (VIII) DAN (IX) SELEPAS BUTIRAN (IV).**

Perhatian Pemungut-Pemungut adalah ditarik kepada Selangor Pemberitahu Undang-Undang Bil. 10 bertarikh 3hb Februari, 1977 berkenaan dengan tambahan perwakilan kuasa kepada mereka. Tambahan tersebut ialah tambahan kuasa yang diperturunkan kepada Pemungut-Pemungut dalam Negeri Selangor Pemberitahu Undang-Undang 20 bertarikh 12hb. Disember. 1968. Butir-butir tambahan adalah seperti berikut :-

- (v) Permohonan-permohonan keatas tanah yang bukan tanah kerajaan (State Land) –
 - (i) Tanah Lombong.
- (vi) Permohonan-permohonan keatas tanah-tanah yang ada sekatan undang-undang bagi garisan mencegah bangunan (no building line) bagi permohonan rumah kedai
- (vii) Permohonan-permohonan keatas tanah yang telah diwartakan di bawah seksyen 3 atau 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkumpul) 1960.
- (viii) Permohonan keatas kawasan-kawasan yang telah dibekukan atau ditutup dengan arahan Pihak Negeri bagi penanaman satu atau beberapa jenis tanaman.
- (ix) Permohonan rancangan tanah daripada Syarikat-Syarikat Swasta dan Syarikat-Syarikat Kerjasama.

2. Pemungut-Pemungut hendaklah memastikan bahawa Pekeliling ini berkuatkuasa pada 3hb. Februari, 1977.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.Sel. 675 Jld.1 (4)
Kuala Lumpur
8hb. Disember, 1977